

18 Mei 2012

Seludup dadah dari Malaysia terbesar di Australia

SYDNEY 17 Mei - Kaedah perisikan yang lebih baik membantu Australia membanteras penyeludupan dadah pada tahun lepas membabitkan rampasan terbesar dari Malaysia dan Indonesia, menurut satu kajian, hari ini.

Data Penyeludupan Dadah Suruhanjaya Jenayah Australia menunjukkan, hampir 70,000 rampasan dilakukan sepanjang tahun kewangan 2010/2011 dengan lebih 9.3 tan dadah dirampas dan 84,700 orang ditangkap.

Rampasan itu termasuk tiga kes penyeludupan heroin yang dikesan menggunakan perkhidmatan kargo melibatkan dua penghantaran berbeza dari Malaysia berjumlah 168.5 kilogram dan 42 kilogram, selain satu kes penyeludupan dari Pakistan membabitkan 25 kilogram dadah.

Ia turut melibatkan satu serbuan ke atas sebuah kapal layar kecil dan menemui dadah jenis kokain, berjumlah 57 peratus daripada keseluruhan dadah ditemui.

“Perisikan merupakan kunci dalam membendung penyeludupan dadah di jalan raya dan sempadan.

“Sebanyak 96 peratus rampasan dadah berlaku ekoran perisikan agensi penguatkuasa undang-undang sebelum bungkusan itu tiba di Australia ,” kata Menteri Dalam Negeri, Jason Clare.

Ketua Suruhanjaya Jenayah Australia, John Lawler berkata, perisikan yang lebih baik membantu menyasarkan kumpulan jenayah terancang.

“Jumlah rampasan yang meningkat adalah hasil langsung daripada peningkatan perisikan dan perkongsian maklumat di Australia dan rakan penguatkuasa di luar negara,” katanya. - AFP